

Hallyu dan Belia Muslim: Pengaruh Budaya Popular Korea dalam Kalangan Mahasiswa Islam di Malaysia

Hallyu and Muslim Youth: The Influence of Korean Popular Culture among Islamic University Students in Malaysia

Nur Jannah Bukhari^{1*}, Siti Nor Azhani Mohd Tohar², & Siti Nor Baya Mat Yacob³

^{1,2,3} Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 78100 Nilai, Negeri Sembilan

Article progress

Received: 7 January 2026

Accepted: 28 April 2026

Published: 31 May 2026

*Corresponding author:

Nur Jannah Bukhari, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan
Email: jannahbukhari@usim.edu.my

Abstrak: Gelombang Korea atau Hallyu telah muncul sebagai fenomena budaya global yang memberi pengaruh signifikan terhadap gaya hidup, minat dan persepsi belia, termasuk dalam kalangan belia Muslim di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi pelajar universiti Islam terhadap industri hiburan Korea (muzik, filem dan drama), budaya Korea yang melibatkan makanan dan produk kosmetik, serta menilai tahap kesan Hallyu terhadap gaya hidup, minat dan pemikiran mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui tinjauan soal selidik berstruktur yang melibatkan 294 orang pelajar universiti Islam di Nilai, Negeri Sembilan. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29.0 dengan analisis deskriptif bagi menilai min dan sisihan piawai setiap konstruk kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi sederhana terhadap industri hiburan Korea, dengan filem Korea menerima penilaian paling positif berbanding muzik K-pop dan penglibatan aktif di media sosial. Dari aspek budaya, makanan Korea menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi, manakala pengaruh hiburan Korea terhadap pembelian produk kosmetik didapati rendah. Selain itu, kesan Hallyu terhadap gaya hidup dan interaksi sosial pelajar adalah minimum, walaupun terdapat kecenderungan sederhana terhadap minat mempelajari bahasa Korea dan keinginan melancong ke Korea. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa penerimaan budaya Korea dalam kalangan pelajar universiti Islam di Malaysia bersifat selektif dan berlapis, serta ditapis melalui kerangka nilai Islam. Fenomena Hallyu lebih berfungsi sebagai medium pendedahan budaya dan hiburan, tanpa membawa kepada perubahan gaya hidup secara menyeluruh atau krisis identiti dalam kalangan pelajar Muslim..

Kata kunci: Hallyu, Belia muslim, pengaruh, persepsi

Abstract: The Korean Wave (Hallyu) has emerged as a global cultural phenomenon that significantly influences the lifestyle, interests, and perceptions of youth worldwide, including Muslim youth in Malaysia. This study aims to examine the perceptions of Islamic university students toward the Korean entertainment industry (music, films, and dramas), Korean cultural products related to food and cosmetics, and to assess the impact of Hallyu on their lifestyle, interests, and ways of thinking. A quantitative research design was employed using a structured questionnaire administered to 294 Islamic university students at Nilai, Negeri Sembilan. The data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29.0 through descriptive statistical analysis. The findings reveal that students demonstrate a moderate perception of the Korean entertainment industry, with Korean films receiving the most positive evaluation compared to K-pop

music and active engagement with Korean artists on social media. In terms of cultural consumption, Korean food shows a high level of acceptance, while the influence of Korean entertainment on cosmetic purchasing behavior remains low. Furthermore, the impact of the Korean Wave on students' lifestyles and social interactions is minimal, although there is a moderate tendency toward learning the Korean language and interest in traveling to South Korea. Overall, the study indicates that the reception of Korean culture among Islamic university students in Malaysia is selective and multilayered, filtered through Islamic values. The Korean Wave functions primarily as a medium of cultural exposure and entertainment rather than a catalyst for comprehensive lifestyle change or identity crisis among Muslim students.

Keywords: Hallyu, muslim youth, effect, perception

Pengenalan

Gelombang Korea atau Hallyu, telah berkembang daripada fenomena budaya serantau pada akhir 1990-an kepada kuasa budaya global yang mendominasi arus perdana pada abad ke-21 (Kim et al. 2023; Kim & Lee, 2012). Fenomena ini, yang merangkumi muzik (K-pop), drama (K-drama), filem, fesyen, produk kecantikan, dan gaya hidup bukan sekadar trend hiburan biasa, tetapi merupakan hasil daripada dasar kerajaan Korea Selatan yang strategik, infrastruktur digital yang maju, serta diplomasi budaya yang sistematik. Kejayaan Hallyu di peringkat antarabangsa telah mencabar dominasi budaya Barat dan menawarkan alternatif kepada nilai-nilai moden melalui perspektif Asia yang unik (Bae et al. 2017). Menurut Kim dan Lee (2012), istilah Hallyu pertama kali digunakan oleh wartawan China yang kagum dengan penyebaran pantas budaya Korea merentasi pelbagai negara. Penyebaran budaya ini tidak terbatas kepada K-drama dan K-pop sahaja, malah turut meliputi makanan Korea, bahasa, produk kecantikan, serta gaya hidup yang dikomersialkan melalui media sosial dan platform penstriman digital seperti Netflix, TikTok dan YouTube. Kekuatan Korea dalam mengeksport budaya ini telah menjadikannya sebagai "soft power" yang berjaya menawan hati golongan muda di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa budaya Korea memberi kesan yang ketara terhadap gaya hidup, minat, dan aspirasi pengguna, terutamanya dalam kalangan belia (Jang & Paik, 2012; Ryoo, 2009; Lee, 2011).

Di Malaysia, pengaruh Hallyu telah meresap jauh ke dalam gaya hidup belia Muslim, mempengaruhi cara mereka berpakaian, bersosial, dan menggunakan masa lapang. Walau bagaimanapun, kehadiran budaya ini tidak terlepas daripada kontroversi. Terdapat ketegangan yang ketara antara trend moden Korea dengan tuntutan nilai-nilai Islam (Kim et al. 2023). Pihak berkuasa agama dan golongan tradisional sering menyuarakan kebimbangan bahawa minat yang mendalam terhadap budaya Korea boleh membawa kepada "anomie" atau kekeliruan norma, di mana belia mungkin mengabaikan tanggungjawab agama, mengalami hakisan piawaian moral, atau menghadapi krisis identiti. Beberapa insiden, seperti pergaulan rapat antara artis dan peminat serta upacara memperingati kematian artis secara terbuka, telah mencetuskan kritikan hebat daripada masyarakat Muslim yang melihatnya sebagai penyimpangan daripada ajaran Islam (Rosidi, 2022).

Meskipun terdapat persepsi negatif, belia Muslim sebenarnya bertindak sebagai pengguna yang aktif dan selektif. Mereka sering mengamalkan strategi "penjarakan simbolik" (symbolic distancing), di mana mereka menerima aspek positif Hallyu seperti nilai kasih sayang, keberanian, dan kesungguhan sambil sedar menolak unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah mereka, seperti penggunaan alkohol atau gaya hidup yang tidak sopan. Selain hiburan, Hallyu juga berfungsi sebagai platform untuk penerokaan identiti, penguasaan bahasa Korea, dan pembangunan bakat melalui budaya penyertaan peminat (Rosidi, 2022). Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar universiti tempatan terhadap industri K-Pop yang merangkumi muzik, filem, dan drama, mengenal pasti tahap persepsi pelajar universiti tempatan terhadap budaya Korea yang melibatkan makanan dan produk kosmetik, serta menilai tahap kesan Gelombang Korea terhadap gaya hidup, minat, dan pemikiran pelajar universiti. (Kim et al. 2023).

Dengan memahami impak ini melalui kanta sosiologi dan keagamaan, kita dapat melihat sama ada

fenomena ini benar-benar membawa kepada krisis identiti atau sekadar satu bentuk kecekapan transbudaya yang membolehkan belia Muslim menyesuaikan diri dalam dunia yang semakin global.

Kajian Literatur

Gelombang Korea (Hallyu) dan Masyarakat Muslim

Geombang Korea atau Hallyu telah berkembang daripada satu fenomena budaya serantau di Asia Timur pada penghujung 1990-an kepada satu kuasa budaya global yang merangkumi muzik (K-pop), drama televisyen (K-drama), filem, fesyen, produk kecantikan dan media digital. Perkembangan ini bukan berlaku secara kebetulan, sebaliknya didorong oleh strategi yang tersusun melalui dasar kerajaan Korea Selatan yang berorientasikan eksport budaya, pelaburan besar dalam industri kreatif, serta pembangunan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang maju. Penggunaan platform digital dan media sosial secara strategik sebagai alat diplomasi budaya (soft power) turut menyumbang kepada penyebaran pesat budaya Korea di peringkat antarabangsa (Ryoo, 2009).

Selain itu, Hallyu sering ditafsirkan sebagai sebahagian daripada proses “pem-Barat-an” (de-Westernization[A1.1]), iaitu usaha menawarkan alternatif kepada dominasi budaya popular Barat. Melalui naratif yang menekankan nilai kekeluargaan, semangat kolektif, ketekunan, dan emosi, budaya popular Korea berjaya membina hubungan emosi dengan audiens di Asia dan global. Nilai-nilai ini menjadikan kandungan Korea lebih dekat dan relevan dengan masyarakat di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia(Jang & Paik,2012).

Persepsi dan Penerimaan Hallyu di Asia Tenggara

Di rantau Asia Tenggara, Hallyu menerima sambutan yang sangat positif, khususnya dalam kalangan belia dan pelajar universiti. Kajian di Filipina menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap K-drama dan K-pop, yang seterusnya meningkatkan minat mereka untuk memahami budaya, bahasa dan gaya hidup Korea dengan lebih mendalam. Fenomena ini membuktikan bahawa hiburan popular berfungsi sebagai pintu masuk kepada interaksi budaya yang lebih luas (Pedroso & Nifras, 2023).

Dalam konteks Malaysia dan Indonesia, kandungan budaya Korea sering dilihat sebagai “asing tetapi akrab” kerana terdapat persamaan dari segi struktur penceritaan, nilai kekeluargaan, serta konflik moral yang dipaparkan. (Rosidi, 2022).Namun demikian, penerimaan yang meluas terhadap Hallyu dalam kalangan belia Muslim turut mencetuskan perdebatan awam, khususnya berkaitan sejauh mana budaya ini mempengaruhi nilai agama dan pembentukan identiti Islam. Perdebatan ini mencerminkan kebimbangan masyarakat terhadap kesan globalisasi budaya terhadap kelestarian nilai tempatan dan agama.

Teori Anomie dan Kebimbangan terhadap Tingkah Laku Devian

Salah satu kerangka teori yang sering digunakan untuk menilai kesan Hallyu terhadap belia Muslim ialah Teori Anomie. Teori ini merujuk kepada keadaan di mana norma sosial dan agama menjadi kabur akibat perubahan sosial yang berlaku secara pantas. Dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia, terdapat kebimbangan bahawa penglibatan berlebihan dalam budaya popular Korea boleh membawa kepada hakisan piawai moral, kekeliruan nilai, dan tingkah laku yang menyimpang daripada norma agama.

Insiden seperti peminat Muslim yang berpelukan dengan artis K-pop atau penganjuran upacara lilin (candlelight vigil) bagi memperingati kematian selebriti sering dijadikan contoh oleh pihak berkuasa agama dan golongan tradisionalis sebagai bukti potensi krisis identiti dan pengabaian tanggungjawab agama. (Rosidi, 2022). Walau bagaimanapun, dapatan kajian lapangan menunjukkan gambaran yang lebih seimbang. Majoriti belia Muslim, iaitu sekitar 91 peratus, menafikan bahawa minat mereka terhadap Hallyu menyebabkan mereka mengabaikan kewajipan sebagai Muslim. Perbezaan ini menunjukkan wujudnya jurang antara persepsi masyarakat dan realiti pengalaman belia Muslim (Kim et al. 2023.)

Strategi Perundingan: Penjarakan Simbolik dan Kecekapan Transbudaya

Belia Muslim tidak menerima fenomena Hallyu secara pasif; sebaliknya mereka terlibat aktif dalam proses perundingan budaya melalui strategi yang dikenali sebagai penjarakan simbolik (symbolic distancing). Strategi ini merangkumi pemilihan serta penyesuaian unsur budaya Korea yang dianggap serasi dengan nilai Islam seperti disiplin, kesungguhan, nilai kekeluargaan dan estetika sementara menolak elemen yang bercanggah dengan prinsip agama, termasuk pengambilan alkohol, pergaulan bebas dan gaya hidup tidak sopan (Syed & Kwon, 2019).

Melalui pendekatan ini, belia Muslim mengembangkan kecekapan transbudaya, iaitu kebolehan berinteraksi dengan budaya global tanpa menjejaskan jati diri dan komitmen keagamaan. Walau bagaimanapun, kajian Kim et al. (2023) menunjukkan bahawa remaja berusia 13 hingga 17 tahun lebih mudah mengalami perasaan bersalah dan kekeliruan identiti berbanding golongan dewasa. Situasi ini menekankan keperluan kepada bimbingan, literasi agama serta sokongan sosial yang lebih mantap bagi membantu mereka menilai dan mentafsir pengaruh budaya global secara kritis.

Meskipun kajian sosiologi mengenai Hallyu semakin banyak, penyelidikan empirikal yang meneliti pengalaman pelajar Muslim dalam konteks akademik masih terbatas. Tambahan pula, kebanyakan kajian sedia ada berasaskan perspektif Barat yang mungkin kurang sesuai untuk memahami realiti belia Muslim di Asia Tenggara. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan kerangka analisis berteraskan perspektif Islam dan lokal bagi menyingkap dengan lebih mendalam bagaimana belia Muslim menyeimbangi antara arus globalisasi dan komitmen keagamaan.

Metodologi

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kesan Gelombang Korea terhadap golongan belia Islam khususnya mahasiswa di Malaysia. Satu siri kajian lapangan telah dijalankan dalam kalangan kumpulan sasaran menggunakan kaedah persampelan mudah pada November hingga Disember 2025. Kajian tinjauan ini dilaksanakan di universiti dan responden terdiri daripada 294 mahasiswa Islam yang menyambung Pelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Rasional memilih mahasiswa Islam adalah berdasarkan tiga faktor. Pertama, para penyelidik telah memerhati kesan Gelombang Korea terhadap rakyat Malaysia sejak tahun 2016. Kesan tersebut lebih ketara di bandar berbanding kawasan luar bandar kerana akses dan pengaruh lebih besar hasil daripada ketersediaan kemudahan. Kedua, pelajar universiti merupakan kumpulan yang paling terkesan dengan Gelombang Korea kerana mereka berada pada peringkat awal kehidupan dan sedang mencari jati diri melalui apa yang mereka minati sebagai contoh. Golongan remaja juga merupakan kumpulan paling berpengaruh di media sosial. Ketiga, berdasarkan pemerhatian awal, masyarakat turut menimbulkan persoalan tentang hubungan antara Gelombang Korea dan golongan belia di Malaysia.

Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berstruktur. Soal selidik tersebut merangkumi, soalan skala Likert 5 mata, soalan skala penarafan, dan soalan terbuka bagi memperoleh set data yang komprehensif meliputi semua isu dalam persoalan kajian. Item soal selidik direka bentuk untuk menilai permasalahan dan cabaran yang dihadapi responden, seperti tingkah laku yang menyimpang daripada norma sosial dan agama yang diterima, serta kekeliruan identiti akibat penglibatan mereka dalam acara Gelombang Korea. Bagi membantu usaha ini, aplikasi Google Form digunakan sebagai medium untuk mengumpul maklumat tambahan secara dalam talian daripada responden. Data telah dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29.0. Langkah ini diambil untuk memastikan bahawa data dapat dihuraikan, diproses dengan baik, serta respons dapat difahami dengan sewajarnya.

Sebelum itu, satu siri kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 responden bagi menilai kebolehpercayaan soal selidik. Apabila soal selidik dinilai dari segi konsistensi dalaman, nilai Cronbach's Alpha yang diperoleh ialah 0.728, melebihi nilai 0.6 yang dianggap memadai. Oleh itu, soal selidik tersebut diputuskan sebagai sah dan boleh dipercayai. Instrumen kajian ini menggunakan skala Likert lima mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral/Tidak Pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju. Skala ini membolehkan responden menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap setiap item yang dikemukakan, sekaligus memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kecenderungan sikap dan persepsi yang dikaji.

Keputusan & Perbincangan

Jadual 1. Latar Belakang Demografi

Latar belakang demografi	Frekuensi	Peratus (%)
1. Umur		
18-20	214	72.8
21-23	76	25.9
24 ke atas	4	1.4
2. Jantina		
Lelaki	89	30.3
Perempuan	205	69.7
3. Fakulti		
Fakulti Ekonomi & Muamalat (FEM)	14	4.8
Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB)	5	1.7
Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP)	88	29.9
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)	87	29.6
Fakulti Pergigian (FPg)	1	0.3
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)	66	22.4
Fakulti Pengajian Sains Kesihatan (FPSK)	1	0.3
Fakulti Sains & Teknologi (FST)	14	4.8
Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU)	18	6.1
4. Tahun pengajian		
Tahun 1	251	85.4
Tahun 2	33	11.2
Tahun 3	9	3.1
Lain-lain	1	0.3

Daripada keseluruhan responden, majoriti berumur antara 18 hingga 20 tahun (72.8%), diikuti oleh 21 hingga 23 tahun (25.9%), manakala hanya sebilangan kecil berumur 24 tahun ke atas (1.4%). Dari segi jantina, seramai 205 orang (69.7%) adalah perempuan, manakala 89 orang (30.3%) adalah lelaki. Berdasarkan fakulti, responden paling ramai berasal daripada Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKP) iaitu 88 orang (29.9%), diikuti rapat oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dengan 87 orang (29.6%), serta Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dengan 66 orang (22.4%). Fakulti lain seperti FEM, FST, dan FSU masing-masing mencatatkan peratusan yang lebih kecil, manakala FPg dan FPSK hanya menyumbang 0.3% setiap satu. Dari segi tahun pengajian, majoriti responden adalah pelajar Tahun 1 (85.4%), diikuti oleh Tahun 2 (11.2%) dan Tahun 3 (3.1%), manakala kategori lain-lain hanya mewakili 0.3%.

Persepsi Terhadap Industri K-Pop (Muzik, Filem, Drama)

Jadual 2. Persepsi Terhadap Industri K-Pop

Item	N	Mean	Std. Deviation
Saya sering menonton drama Korea.	294	2.85	1.422
Muzik K-Pop mempengaruhi pilihan muzik saya berbanding muzik tempatan.	294	2.35	1.364
Filem Korea memberi gambaran positif tentang masyarakat Korea.	293	2.96	1.129
Saya mengikuti perkembangan artis K-Pop melalui media sosial.	294	2.28	1.457
Industri hiburan Korea lebih menarik berbanding industri hiburan negara lain.	294	2.89	1.356

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa min bagi item 'Saya sering menonton drama Korea' adalah 2.85 (sisihan piawai = 1.422), menandakan tahap persetujuan responden berada pada tahap sederhana rendah dengan variasi jawapan yang agak tinggi. Bagi item 'Muzik K-Pop mempengaruhi pilihan muzik saya berbanding muzik tempatan', nilai min adalah 2.35 (sisihan piawai = 1.364), yang menunjukkan kecenderungan responden untuk tidak setuju bahawa muzik K-

Pop mempengaruhi pilihan muzik mereka. Sementara itu, item 'Filem Korea memberi gambaran positif tentang masyarakat Korea' mencatatkan min tertinggi iaitu 2.96 (sisihan piawai = 1.129), menunjukkan persepsi yang lebih positif dengan jawapan yang lebih konsisten. Item 'Saya mengikuti perkembangan artis K-Pop melalui media sosial' pula mencatatkan min terendah iaitu 2.28 (sisihan piawai = 1.457), menandakan minat yang rendah dalam mengikuti artis K-Pop secara aktif di media sosial. Akhir sekali, bagi item 'Industri hiburan Korea lebih menarik berbanding industri hiburan negara lain', nilai min adalah 2.89 (sisihan piawai = 1.356), yang menunjukkan kecenderungan neutral ke arah setuju. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa responden berada pada tahap neutral hingga tidak setuju terhadap pengaruh hiburan Korea, dengan persepsi paling positif diberikan kepada filem Korea dan paling rendah terhadap penglibatan dalam mengikuti artis K-Pop melalui media sosial.

Persepsi Terhadap Budaya Korea (Makanan& Kosmetik)

Jadual 3. Persepsi Terhadap Budaya Korea (Makanan& Kosmetik)

Item	N	Mean	Std. Deviation
Saya pernah mencuba makanan Korea (contoh: kimchi, ramyeon, tteokbokki).	294	4.13	1.134
Makanan Korea mudah didapati di kawasan sekitar universiti saya.	294	3.40	1.198
Produk kosmetik Korea dipercayai berkualiti tinggi.	294	3.63	1.154
Saya pernah membeli produk kosmetik Korea kerana pengaruh drama/K-Pop.	293	1.85	1.203
Budaya Korea melalui makanan dan kosmetik meningkatkan minat saya terhadap Korea secara keseluruhan.	294	2.41	1.306

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa min bagi item 'Saya pernah mencuba makanan Korea (contoh: kimchi, ramyeon, tteokbokki)' adalah 4.13 (sisihan piawai = 1.134), menandakan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden terhadap pengalaman mencuba makanan Korea. Bagi item 'Makanan Korea mudah didapati di kawasan sekitar universiti saya', nilai min adalah 3.40 (sisihan piawai = 1.198), menunjukkan persepsi sederhana bahawa makanan Korea agak mudah diperolehi di persekitaran universiti. Sementara itu, item 'Produk kosmetik Korea dipercayai berkualiti tinggi' mencatatkan min 3.63 (sisihan piawai = 1.154), yang menggambarkan keyakinan sederhana tinggi terhadap kualiti produk kosmetik Korea. Sebaliknya, item 'Saya pernah membeli produk kosmetik Korea kerana pengaruh drama/K-Pop' mencatatkan min terendah iaitu 1.85 (sisihan piawai = 1.203), menunjukkan bahawa pengaruh hiburan Korea terhadap pembelian kosmetik adalah rendah. Akhir sekali, item 'Budaya Korea melalui makanan dan kosmetik meningkatkan minat saya terhadap Korea secara keseluruhan' memperoleh min 2.41 (sisihan piawai = 1.306), menandakan tahap persetujuan yang rendah terhadap peranan makanan dan kosmetik dalam meningkatkan minat terhadap Korea secara umum. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa makanan Korea lebih mendapat sambutan berbanding kosmetik, manakala pengaruh hiburan Korea terhadap pembelian produk kosmetik adalah paling rendah.

Kesan Gelombang Korea Terhadap Gaya Hidup, Minat & Pemikiran

Jadual 4. Kesan Gelombang Korea Terhadap Gaya Hidup, Minat & Pemikiran

Item	N	Mean	Std. Deviation
Saya meniru gaya fesyen artis Korea dalam kehidupan seharian.	294	1.71	.992
Gelombang Korea mempengaruhi cara saya berinteraksi di media sosial.	294	1.80	1.045

Saya lebih berminat mempelajari bahasa Korea selepas terdedah kepada K-Pop/drama.	294	2.48	1.430
Gelombang Korea memberi inspirasi kepada saya untuk melancong ke Korea.	294	3.14	1.429
Budaya Korea mempengaruhi cara saya berfikir tentang nilai dan gaya hidup moden.	293	2.75	1.382

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa item ‘Saya meniru gaya fesyen artis Korea dalam kehidupan seharian’ mencatatkan min terendah iaitu 1.71 (sisihan piawai = 0.992), menandakan tahap persetujuan yang sangat rendah dalam kalangan responden. Begitu juga dengan item ‘Gelombang Korea mempengaruhi cara saya berinteraksi di media sosial’ yang memperoleh min 1.80 (sisihan piawai = 1.045), menunjukkan pengaruh yang rendah terhadap interaksi sosial responden. Sementara itu, min bagi item ‘Saya lebih berminat mempelajari bahasa Korea selepas terdedah kepada K-Pop/drama’ adalah 2.48 (sisihan piawai = 1.430), menandakan tahap minat yang sederhana tetapi masih rendah secara keseluruhan. Item ‘Gelombang Korea memberi inspirasi kepada saya untuk melancong ke Korea’ mencatatkan min tertinggi iaitu 3.14 (sisihan piawai = 1.429), menunjukkan kecenderungan sederhana ke arah persetujuan bahawa gelombang Korea memberi motivasi untuk melancong. Akhir sekali, item ‘Budaya Korea mempengaruhi cara saya berfikir tentang nilai dan gaya hidup moden’ memperoleh min 2.75 (sisihan piawai = 1.382), menandakan tahap pengaruh yang sederhana terhadap cara berfikir responden. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa pengaruh gelombang Korea terhadap gaya hidup dan interaksi sosial responden adalah rendah, namun terdapat kecenderungan sederhana dalam aspek minat untuk melancong ke Korea serta pengaruh terhadap nilai dan gaya hidup moden.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan Hallyu dalam kalangan mahasiswa Islam di Malaysia adalah bersifat selektif dan ditapis melalui nilai agama. Walaupun terdapat minat yang sederhana terhadap hiburan Korea, khususnya filem, pengaruh terhadap gaya hidup dan interaksi sosial adalah minimum. Hal ini selari dengan konsep penjarakan simbolik (Syed & Kwon, 2019; Rosidi, 2022), di mana belia Muslim menerima unsur budaya yang dianggap positif seperti disiplin, kesungguhan, dan nilai kekeluargaan, sambil menolak elemen yang bercanggah dengan prinsip Islam seperti pergaulan bebas dan penggunaan alkohol.

Analisis demografi memperlihatkan bahawa majoriti responden adalah perempuan (69.7%) dan pelajar tahun pertama berumur 18 hingga 20 tahun (72.8%). Faktor ini mungkin menjelaskan kecenderungan sederhana terhadap hiburan Korea kerana golongan muda, khususnya perempuan, lebih terdedah kepada media sosial dan kandungan hiburan antarabangsa. Namun, dapatan juga menunjukkan bahawa walaupun mereka berminat mencuba makanan Korea dan menonton filem, mereka tidak meniru fesyen artis atau membeli kosmetik semata-mata kerana pengaruh hiburan. Ini menandakan wujudnya proses penapisan budaya yang aktif, di mana hiburan berfungsi sebagai medium pendedahan tanpa membawa kepada perubahan gaya hidup menyeluruh.

Selain itu, kecenderungan sederhana untuk mempelajari bahasa Korea dan melancong ke Korea menunjukkan bahawa Hallyu berfungsi sebagai pintu masuk kepada interaksi budaya global. Namun, ia tidak menimbulkan krisis identiti yang besar dalam kalangan mahasiswa Islam. Hal ini berbeza dengan kebimbangan pihak berkuasa agama yang sering menekankan risiko anomie atau kekeliruan norma akibat pengaruh budaya asing (Kim et al., 2023). Sebaliknya, dapatan kajian ini menyokong pandangan bahawa belia Muslim mempunyai kecekapan transbudaya, iaitu kebolehan menyesuaikan diri dengan budaya global tanpa mengorbankan jati diri dan komitmen keagamaan.

Perbincangan ini juga menekankan bahawa penerimaan Hallyu dalam kalangan mahasiswa Islam lebih kuat dalam aspek hiburan dan makanan, berbanding kosmetik atau gaya hidup moden. Hal ini menunjukkan bahawa budaya Korea berfungsi sebagai sumber hiburan dan pengalaman budaya, tetapi tidak semestinya menjadi faktor utama dalam pembentukan identiti atau gaya hidup pelajar Muslim.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh gelombang Korea dalam kalangan pelajar universiti Islam di Malaysia adalah bersifat selektif dan berlapis. Responden lebih cenderung untuk mencuba makanan Korea serta memberikan persepsi positif terhadap filem Korea, berbanding meniru fesyen artis, membeli kosmetik kerana pengaruh hiburan, atau mengikuti artis K-Pop di media sosial. Nilai min yang tinggi bagi item berkaitan makanan dan filem memperlihatkan bahawa penerimaan budaya Korea lebih kuat dalam aspek pengalaman praktikal dan persepsi umum, manakala nilai min yang rendah bagi fesyen, interaksi media sosial, dan pembelian kosmetik kerana pengaruh hiburan menunjukkan tahap penglibatan yang rendah dalam gaya hidup Korea. Dapatan ini selari dengan kajian Syaiful Anwar, Nur Sa'adah dan Mohd Nor (2020) yang mendapati drama Korea berupaya membentuk persepsi positif terhadap masyarakat Korea melalui penekanan kepada nilai kekeluargaan dan gaya hidup moden. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa kosmetik Korea berjaya menembusi pasaran Malaysia, namun penggunaannya lebih dipengaruhi oleh faktor kualiti dan strategi pemasaran berbanding pengaruh hiburan semata-mata. Hal ini membuktikan bahawa penerimaan Hallyu dalam kalangan belia Malaysia lebih kuat dalam aspek hiburan dan makanan berbanding nilai hidup atau gaya hidup moden.

Namun, memandangkan majoriti responden adalah pelajar Islam, penerimaan budaya Korea perlu dilihat dalam kerangka nilai Islam yang menekankan keseimbangan antara hiburan dan akhlak. Islam menggalakkan umatnya untuk mengambil manfaat daripada budaya luar selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariah, seperti menjaga aurat, menghindari unsur hedonisme melampau, dan memastikan makanan yang diambil adalah halal. Oleh itu, walaupun pelajar menunjukkan minat terhadap makanan dan hiburan Korea, mereka tetap perlu menilai sejauh mana penerimaan tersebut selari dengan nilai Islam yang membentuk identiti mereka sebagai Muslim.

Secara ringkas, kajian ini mengesahkan bahawa penerimaan budaya Korea dalam kalangan pelajar universiti Islam di Malaysia adalah selektif, dengan kecenderungan lebih kepada aspek makanan dan persepsi positif terhadap filem, berbanding penglibatan mendalam dalam fesyen, muzik, kosmetik, atau interaksi sosial. Hal ini menunjukkan bahawa gelombang Korea berfungsi sebagai medium pengenalan budaya yang membentuk minat dan persepsi umum, tetapi tidak semestinya membawa kepada perubahan gaya hidup secara menyeluruh. Dalam konteks pelajar Islam, penerimaan ini perlu ditapis melalui nilai agama agar tidak menjejaskan identiti dan prinsip kehidupan berlandaskan syariah.

Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa Batasan yang perlu diambil kira sebelum membuat generalisasi terhadap keseluruhan populasi belia Muslim di Malaysia. Pertama, komposisi responden tidak seimbang dari segi jantina, di mana majoriti peserta adalah perempuan (69.7%) berbanding lelaki (30.3%). Hal ini mungkin mempengaruhi dapatan kerana pengalaman dan persepsi terhadap Hallyu boleh berbeza mengikut gender. Kedua, sebahagian besar responden merupakan pelajar tahun pertama (85.4%) yang berumur antara 18 hingga 20 tahun. Justeru, hasil kajian lebih mencerminkan pandangan golongan muda yang baru memasuki alam universiti, berbanding pelajar senior yang mempunyai pengalaman dan tahap kematangan berbeza dalam menilai pengaruh budaya global.

Selain itu, kajian ini hanya dijalankan di sebuah universiti Islam di Nilai, Negeri Sembilan, yang menghadkan kebolehan untuk membuat perbandingan dengan institusi lain atau konteks geografi yang berbeza. Pendekatan kuantitatif melalui soal selidik juga tidak dapat menangkap nuansa pengalaman peribadi dan strategi perundingan budaya secara mendalam, berbanding kaedah kualitatif seperti temu bual atau kumpulan fokus. Oleh itu, hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan secara menyeluruh kepada semua belia Muslim di Malaysia. Kajian lanjutan yang melibatkan sampel lebih pelbagai dari segi jantina, tahun pengajian, lokasi universiti, serta menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif amat diperlukan bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang bagaimana belia Muslim menilai dan menapis pengaruh Hallyu dalam kehidupan mereka.

Rujukan

Kim, K. H., Rou, S. Y., Mujani, W. K., & Ariffin, M. F. B. M. (2023). Impacts of the Korean wave and the conundrum of Malaysian young female Muslims. *Asian Women*, 39(3), 91-113. <https://doi.org/10.14431/aw.2023.9.39.3.91>.

Pedroso, J. E. P., & Nifras, J. (2023). Perception and impact of Korean wave among students in a local university in the Philippines. *International Journal of Research Publication and Reviews*, 4(7), 2312-2316.

Rosidi, I. (2022). Symbolic distancing: Indonesian Muslim youth engaging with Korean television dramas. *Plaridel*, 19(1), 183-201.

Syed, M. A. M., & Kwon, S. H. (2019). Hallyu and strategic interpretation of Malaysian modernity among young Malay women. *Asian Women*, 35(3), 1-24. <https://doi.org/10.14431/aw.2019.09.35.3.1>.

Kim, J., & Lee, J. (2012). The Korean Wave: A Decade of Ups and Downs. In Springer eBooks (pp. 238–243). https://doi.org/10.1007/978-3-642-35521-9_35

Bae, E. S., Chang, M., Park, E. S., & Kim, D. C. (2017). The effect of Hallyu on tourism in Korea. *Journal of Open Innovation: Technology, Market, and Complexity*, 3(4), 22. doi: 10.1186/s40852-017-0075-y

Jang, G., & Paik, W. Y. (2012). Korean Wave as Tool for Korea's New Cultural Diplomacy. *Advances in Applied Sociology*, 2(3), 196–202.

Ryoo, W. (2009). Globalization, or the Logic of Cultural Hybridization: The Case of the Korean Wave. *Asian Journal of Communication*, 19(2), 137–151.

Lee, S., Lee, K., Kwak, G., & Kim, H. (2017). The Effect of the Korean Wave on Malaysian University Students' Perception. *Culinary Science & Hospitality Research*, 23(1), 79–83.

Syaiful Anwar, Nur Sa'adah & Mohd Nor (2020). The genesis of the phenomenon of Korean wave (Hallyu) and its influence on youths in Malaysia: An Islamic perspective. *Al-Itqan: Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies*, Special Issue(2), 109–122.